BERNAMA ONLINE – 09 OCTOBER 2013

Berita Tengah

October 09, 2013 18:27 PM

JKJR Galak Syarikat Jalin Kerjasama Tingkat Kesedaran Keselamatan Jalan Raya

KLANG, 9 Okt (Bernama) -- Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) menggalakkan lebih banyak syarikat swasta serta organisasi menjalinkan kerjasama dengan jabatan berkenaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan jalan raya.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Tam Weng Wah berkata lazimnya pekerja syarikat lebih terdedah dengan kemalangan dan melalui kerjasama dengan JKJR, kempen keselamatan jalan raya dapat dijalankan di tempat kerja.

"Kita mahu seluruh lapisan masyarakat khususnya para pekerja sedar pentingnya menjaga keselamatan semasa di jalan raya dan kerjasama daripada syarikat swasta dan organisasi dapat membantu meningkatkan kesedaran mereka.

"Malah, keprihatinan pihak syarikat terhadap keselamatan pekerjanya sangat dituntut agar mereka saling mengingatkan...seterusnya mengurangkan kadar kemalangan," katanya kepada pemberita di sini Rabui.

Beliau sebelum itu menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan tujuh syarikat swasta bagi menyuburkan lagi budaya mementingkan keselamatan jalan raya untuk pekerja syarikat berkenaan.

Tujuh syarikat berkenaan yang terletak di kawasan Meru, Klang, itu adalah New Hoong Fatt Holdings Berhad, Triplus Industry Sdn Bhd, Chong Lek Engineering Works Sdn Bhd, Solid Horizon Sdn Bhd, Bodibasixs Manufacturing Sdn Bhd, United Industries Sdn Bhd dan GP Autobat Sdn Bhd.

Sementara itu, Pengarah Urusan New Hoong Fatt Holdings Berhad, Chin Jit Sin berkata pekerjanya merupakan aset terpenting syarikat dan keselamatan mereka sentiasa menjadi keutamaan.

"Ini adalah kali kedua syarikat menandatangani perjanjian tersebut dan kali ini kita ajak syarikat berdekatan untuk turut sama menyertai kempen kesedaran bagi mewujudkan persekitaran selamat untuk ke tempat kerja," katanya.

Katanya, sejak memeterai MOU dengan JKJR pada 2010, kadar kemalangan jalan raya membabitkan pekerjanya semakin menurun dan berharap syarikat lain dapat bersama-sama berperanan mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.

-- BERNAMA